

BAB 3

PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Dalam bahagian ini, sistem pendidikan negara akan dikaji dan dianalisis dari segi falsafah, dasar yang mendokongnya dan perkara-perkara yang menjadi pertimbangan pokoknya. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah matlamat pendidikan, kandungan dan kaedah pendidikan. Kesemua ini pula akan dibincangkan dalam empat zaman, iaitu semasa zaman penjajahan, era kemerdekaan hingga tahun 1970, selepas tahun 1970 dan era Sekolah Bestari.

Matlamat Pendidikan

Matlamat pendidikan secara umumnya adalah berbeza-beza mengikut keempat-empat zaman dalam sistem pendidikan negara. Perbezaan ini tidak dapat dielak kerana setiap zaman melambangkan kehendak yang berbeza pemerintah dan masyarakat pada ketika itu. Sebelum merdeka penjajah mempunyai matlamat pendidikan untuk mengekalkan status quonya. Sebaliknya selepas kemerdekaan, pendidikan bermatlamatkan membina negara yang baru merdeka. Perbincangan lebih lanjut akan dilakukan di bahagian berikutnya ini.

Zaman Penjajahan

Pada zaman penjajahan, pendidikan tidak berada dalam keadaan seperti yang ada sekarang. Tidak terdapat satu sistem pendidikan kebangsaan dan oleh itu tidak ada matlamat dan objektif pendidikan yang seragam untuk seluruh negara.

Menurut Abdullah Sani Yahya dan P. Kumar (1990), antara dasar utama British dalam pendidikan adalah dasar *laissez-faire* yang telah mewujudkan beberapa jenis sekolah, iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah madrasah. Kesemua sekolah ini mempunyai matlamat dan objektif yang berbeza di antara satu sama lain. Menurut Sufean Hussin (1993) pula, terdapat satu dasar tersirat daripada penubuhan setiap sekolah ini, iaitu dasar penyekatan dan diskriminasi terhadap masyarakat Melayu atau peribumi, di sebaliknya dasar terbuka untuk masyarakat imigran dan pendakwah Kristian. Pendapat ini disokong oleh Sidang Pengarang ILBS (1992) yang menyatakan sistem pendidikan sedemikian bertujuan mengekalkan tumpuan taat setia kaum pendatang kepada negara asal mereka tetapi menekan atau menghalang semangat pembangunan rakyat tempatan.

Keadaan ini dapat difahami kerana matlamat utama pendidikan bagi semua penduduk Melayu, menurut Awang Had Salleh (1974) dan Philip Loh Fook Seng (1974), adalah memberikan pendidikan yang minimum, iaitu setakat membasmi buta huruf, memastikan orang Melayu terus menjadi petani dan nelayan yang lebih baik sedikit daripada ibu bapa mereka, memastikan mereka tetap tinggal di kampung, dan jika mereka berjaya pun hanya sebahagian daripada mereka layak untuk menjadi kerani, buruh, posmen atau pekerja rendah dalam perkhidmatan kerajaan British dan tidak lebih dari itu. Oleh sebab itu, setelah murid Melayu ini menamatkan sekolah rendah, iaitu selama empat tahun mereka tidak akan pergi ke peringkat yang lebih tinggi.

Satu lagi dasar pendidikan British terhadap orang Melayu adalah dasar memelihara *status quo* atau *elitisme*. Menurut dasar ini, keutamaan diberikan kepada golongan yang mampu untuk mendapatkan pendidikan, iaitu golongan anak orang kaya ataupun anak-anak pembesar Melayu sedangkan anak-anak masyarakat bawahan terus tetap sebagai golongan kelas rendah kerana ketidakmampuan mereka. Penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905 menurut Sufean Hussin (1993), merupakan contoh terbaik bagi mengasingkan golongan Melayu elit daripada golongan Melayu bawahan, iaitu maktab ini dikhurasukan kepada anak-anak dari golongan bangsawan Melayu yang mana akhirnya mereka ini, menurut Philip Loh Fook Seng (1974), akan menjadi calon yang layak untuk bekerja dalam perkhidmatan kerajaan Inggeris.

Dasar-dasar British ini adalah untuk mengelakkan orang Melayu bersatu dan menjadi lebih terdidik serta seterusnya mungkin menyebabkan orang Melayu bangkit menentang penjajahan British. British, menurut Awang Had Salleh (1974), telah belajar dari pengalaman di India, iaitu pemberian pendidikan yang baik kepada masyarakat peribumi menyebabkan mereka bangkit menuntut kemerdekaan dan ini amat merugikan kerajaan British. Oleh itu, British tidak mahu perkara yang sama berulang di negara ini.

Sekolah vernakular Cina dan Tamil ditubuhkan oleh komuniti kaum masing-masing. Sekolah-sekolah Vernakular Cina dan Tamil ini, menurut Francis Hoy Kee Wong dan Tian Hong (1971), bermatlamat untuk memastikan pengekalan warisan budaya, tradisi dan bahasa mereka di tempat asing.

Pada zaman pemerintahan Inggeris ini, menurut Rosnani Hashim (1996), terdapat tiga jenis sekolah Inggeris iaitu; (i) sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh pendakwah Kristian, (ii) sekolah kerajaan dan (iii) sekolah persendirian. Sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh pendakwah Kristian selain mempunyai matlamat yang sama seperti sekolah Inggeris yang lain, iaitu melatih tenaga kerja peringkat rendah seperti kerani atau juruteknik, juga mempunyai matlamat mengembangkan agama Kristian (Rosnani Hashim, 1996; Francis Hoy Kee Wong, 1977; Thong Yoke Mei, 1980). Malah inilah matlamat sebenar kewujudan mereka di negara ini.

Sekolah madrasah yang ditubuhkan oleh orang Melayu adalah lebih moden berbanding sekolah tradisional lain seperti sekolah pondok ataupun pengajian di surau atau di masjid. Menurut Rosnani Hashim (1996), sekolah madrasah ditubuhkan oleh orang Melayu yang dikenali sebagai golongan muda bagi menghadapi ancaman terhadap keutuhan dan penerusan budaya serta agama Islam masyarakat tempatan. Ancaman ini hadir dari kedatangan Inggeris yang membawa bersamanya budaya yang asing serta bertentangan dengan budaya tempatan. Di samping itu pula, British juga turut sama membawa dan membenarkan kelompok pendakwah Kristian menjalankan peranannya dengan bebas tanpa sekatan. Oleh itu, sekolah madrasah ini bertindak untuk menyebarkan ilmu Islam secara sistematik, mengukuhkan akidah umat Islam, berusaha menjadikan masyarakat Melayu maju dan mengukuhkan kedudukan politik serta sosioekonomi umat Islam.

Era Kemerdekaan Hingga Tahun 1970

Pada peringkat kedua perkembangan pendidikan ini, dasar pendidikan adalah selaras dengan perubahan negara yang baru merdeka pada tahun 1957. Dari tahun 1957 hingga tahun 1960 dasar pendidikan di Semenanjung Malaysia adalah mengikut rangka dasar yang ditetapkan oleh Laporan Razak (1956) dan Ordinan Pelajaran 1957. Bagi Sabah dan Sarawak pula, menurut Mohd Nor Long (1982), dasar pendidikan adalah mengikut rangka dasar yang ditetapkan oleh Laporan Woodhead 1955 sehingga kedua-dua negeri tersebut bergabung dalam Malaysia pada tahun 1963.

Selepas itu Laporan Rahman Talib (1960) diusulkan dan Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan yang mana antara objektifnya adalah seperti berikut: Pertama, pendidikan untuk mencapai perpaduan negara melalui pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan. Kepentingan satu sistem pendidikan kebangsaan turut disuarakan oleh Aminuddin Baki (1953), yang berkata hanya dengan sekolah yang mempunyai satu sistem kebangsaan sahaja perpaduan kaum dapat dilaksanakan. Tambahan pula kanak-kanak Melayu, Cina dan India tinggal di tempat yang berasingan dan mereka tidak mempunyai cukup peluang untuk berinteraksi di antara satu sama lain. Kedua, pendidikan juga adalah berperanan sebagai wahana untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan negara.

Selepas Tahun 1970

Pada peringkat ini, di tahap awalnya peristiwa konflik antara kaum atau lebih dikenali sebagai Tragedi 13 Mei telah mewarnai dasar dan matlamat pendidikan negara. Tragedi 13 Mei 1969 telah menyebabkan kerajaan menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara.

Sesuai dengan dasar DEB maka matlamat pendidikan seperti yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) adalah: (a) memperkuuhkan sistem pendidikan dan menggalakkan integrasi nasional, (b) mengubahsuai dan memajukan program-program pendidikan dan latihan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja terlatih dalam berbagai-bagai bidang, dan (c) mempertingkatkan mutu pendidikan bagi membina masyarakat yang progresif yang berasaskan sains dan teknologi. Langkah paling utama yang dilaksanakan untuk mencapai integrasi nasional dan perpaduan kaum adalah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

Pada tahun 1974, satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Mahathir Mohamad telah ditubuhkan untuk mengkaji keberkesanan, kekurangan dan masalah dalam dasar pendidikan sebelumnya. Jawatankuasa Kabinet ini menyerahkan laporannya pada tahun 1979 dan ternyata ia memberikan dimensi yang baru kepada pendidikan negara. Hasilnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dirangka dan dilaksanakan pada tahun 1983 diikuti oleh pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Matlamat KBSR ialah membantu setiap individu memperolehi pembangunan secara seimbang dalam semua aspek, iaitu fizikal, roh, intelek, sosial, emosi dan moral (Abu Bakar Nordin, 1991; Abdullah Sani Yahya & P. Kumar, 1990). Secara sepesifiknya Kementerian Pendidikan (1990b; 1998) menyatakan matlamat KBSR ini boleh dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu komunikasi, manusia dan alam sekitar, dan pembangunan kendiri. Dalam bahagian komunikasi, matlamatnya ialah untuk membolehkan seseorang individu itu berupaya berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan negara, Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua penting, aritmetik dan aspek pengiraan. Matlamat domain kedua manusia dan alam sekitar adalah membolehkan seseorang individu berinteraksi dengan baik, prihatin dan menghargai alam sekitar. Matlamat domain ketiga iaitu pembangunan kendiri ialah memberikan peluang kepada setiap individu membangunkan setiap potensi dan bakat serta membina minat estetika dan aktiviti rekreasi di dalam konteks kebudayaan negara.

KBSM pula adalah lanjutan dari KBSR dan mempunyai matlamat yang sama dengan sedikit tambahan, iaitu menekankan nilai-nilai murni, meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia dan menjadikan pendidikan adalah sebagai usaha pendidikan seumur hidup. (Nik Azis Nik Pa, 1995)

Seperkara penting dalam era ini ialah pertukaran nama “Kementerian Pelajaran” kepada “Kementerian Pendidikan” pada tahun 1987 dan seterusnya buat pertama kali dalam sejarah negara Malaysia yang merdeka, pernyataan falsafah pendidikan secara bertulis digubal oleh Kementerian Pendidikan (1990a).

Era Sekolah Bestari

Idea Sekolah Bestari muncul pertama kali pada tahun 1997 dan kemudian telah dilaksanakan secara beransur-ansur dengan 85 buah sekolah dirancang beroperasi pada tahun 1999 (Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin, 1997). Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk menjadikan semua sekolah sebagai Sekolah Bestari menjelang tahun 2010. Pelaksanaan Sekolah Bestari di negara ini merupakan satu perubahan besar kepada sistem pendidikan negara.

Matlamat pendidikan Sekolah Bestari, menurut Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin (1997), adalah untuk mempersiapkan generasi muda dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk menghadapi cabaran era teknologi maklumat. Mengikut Mohamad Ikhsan (1996), Sekolah Bestari juga seharusnya berupaya untuk mengembangkan potensi individu secara seimbang, bersepadu dan menjadi penyumbang kepada peradaban teknologi. Sementara Abdul Ghani Samsudin dan Norhashimi Saad (1999) menambah bahawa Sekolah Bestari juga hendaklah menghasilkan murid yang memiliki kebijaksanaan, iaitu berhikmah dan bertaqwa.

Kandungan Dan Kaedah Pendidikan

Oleh sebab matlamat pendidikan negara adalah berbeza-beza pada setiap zaman maka kandungan dan kaedah pendidikan juga didapati berbeza-beza. Perbezaan kandungan pendidikan berlaku kerana keperluan masyarakat pada sesuatu zaman itu adalah berlainan. Perubahan dari segi kaedah pendidikan pula berlaku terutamanya kerana terdapatnya penemuan baru dalam soal kaedah

pendidikan yang lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penemuan terbaru ini sebenarnya bukan hanya merubah kaedah pendidikan di negara ini tetapi juga di seluruh dunia.

Zaman Penjajahan

Pada zaman penjajahan, kurikulum sekolah Melayu adalah sekadar untuk memenuhi keperluan asas sosiolisasi anak Melayu. Menurut Awang Had Salleh (1974), A.M. Skinner pada tahun 1871 telah mengemukakan rancangan persekolahan dua sesi, iaitu pagi dan petang. Di sebelah pagi murid-murid belajar Bahasa Melayu (dalam tulisan jawi), matematik, sejarah, ilmu alam dan beberapa mata pelajaran vokasional seperti pertanian dan bertukang. Di sebelah petang, murid-murid belajar Bahasa Arab dan al-Quran.

Sekolah vernakular Melayu menyediakan pendidikan asas selama empat tahun dan akan berhenti setakat itu kerana tidak ada sekolah menengah Melayu. Menurut Awang Had Salleh (1974) lagi, pada tahun 1903, R.J. Wilkinson telah memperkenalkan tulisan dan ejaan rumi. Pada tahun 1906 pula R.O. Winstedt telah memperkenalkan kurikulum vokasional seperti pertanian, membuat bakul, membuat tikar, membuat jaring dan ilmu masakan.

Sebelum abad kedua puluh kurikulum sekolah vernakular Cina adalah berorientasikan pemikiran di negeri China. Buku-buku teks dan guru-guru didatangkan dari negeri China. Murid-murid diajarkan bahan-bahan klasik secara hafalan, mengira dengan cempua dan tulisan Cina. Reformasi telah berlaku di sekolah-sekolah Cina pada awal abad kedua puluh. Kang Yu-Wei, seorang sarjana

China telah memperkenalkan kurikulum moden yang lebih sistematis. Di bawah kurikulum ini murid-murid mempelajari mata pelajaran sejarah, geografi, sains, matematik, etika, lukisan, pendidikan jasmani dan nyanyian. Persekolahan terbahagi kepada tiga peringkat iaitu enam tahun sekolah rendah, tiga tahun *junior middle* dan tiga tahun lagi *senior middle*.

Sekolah vernakular Tamil pula menurut Abdullah Sani Yahya dan P. Kumar (1990), disesuaikan mengikut apa yang ada di India. Kebanyakan guru-guru dan buku teks telah dibawa masuk dari India. Kurikulumnya menegaskan pengetahuan dalam kemahiran asas 3M – membaca, mengira, menulis, menulis karangan, ilmu alam dan kebersihan diri. Pendidikan di sekolah Tamil terhad di sekolah rendah sahaja.

Sekolah Inggeris menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris sepenuhnya. Lazimnya sekolah Inggeris mempunyai kemudahan yang lebih bermutu dan kurikulum yang mempunyai ciri-ciri sekolah di England. Kurikulum sekolah Inggeris mementingkan akademik dan persediaan untuk peperiksaan Cambridge Overseas School Certificate. Mata pelajaran yang diikuti ialah Bahasa Inggeris, matematik, sejarah Eropah, ilmu alam, sains, sastera Inggeris, pendidikan jasmani dan lukisan.

Sekolah madrasah mempunyai mata pelajaran dalam kurikulum termasuk ilmu fardu ain, ilmu hisab, sejarah, geografi, khat, ilmu terjemah, ilmu mantik, falsafah dan qasidah. Antara ilmu fardu ain yang diajar adalah ilmu tauhid, ilmu tajuid, ilmu feqah, ilmu tafsir, ilmu akhlak dan ilmu al-hadith. Bagaimanapun

sekolah madrasah kurang memberikan tumpuan kepada mata pelajaran seperti matematik, sains dan Bahasa Inggeris.

Era Kemerdekaan Hingga Tahun 1970

Menurut Sufean Hussin (1993), struktur pendidikan formal di Semenanjung pada tahun 1960an terbahagi kepada lima peringkat, iaitu peringkat rendah, menengah rendah, menengah atas, menengah tinggi dan peringkat tinggi. Penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967 menyebabkan semua sekolah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Kurikulum sekolah menengah mengutamakan penyediaan murid-murid untuk peperiksaan. Mata pelajaran yang dipelajari termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, sains, sejarah, ilmu alam, pendidikan Islam, mata pelajaran vokasional seperti pertanian, pertukangan, dan perdangangan.

Selepas Tahun 1970

Selepas tahun 1970 pendidikan sekolah rendah menggunakan kurikulum baru sekolah rendah atau KBSR yang dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama ialah dari darjah satu hingga darjah tiga manakala fasa dua ialah dari darjah empat hingga darjah enam (Abu Bakar Nordin, 1991). Kurikulum baru ini menekankan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran mengira. Ia juga mengambil berat soal pembangunan moral dan roh individu dengan menambahkan masa pendidikan Islam dan memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Moral kepada murid bukan Islam. Pembelajaran domain manusia dan sekitarnya telah dikurangkan dan

ditangguhkan sehingga kepada fasa kedua. Buat pertama kalinya juga pendidikan muzik telah diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran formal di sekolah. Pendidikan Moral pula adalah memfokuskan kepada 12 nilai, iaitu nilai-nilai yang dipersetujui oleh semua agama dan nilai-nilai universal.

Mata pelajaran untuk domain manusia dan alam sekitar yang diperkenalkan pada fasa kedua KBSR meliputi mata pelajaran geografi, sains, sejarah, dan pendidikan kesihatan (Rosnani Hashim, 1996). Perhatian istimewa diberikan kepada alam sekitar Malaysia dalam usaha untuk membolehkan murid memahami, menghargai dan mencintai khazanah alam negara.

Pendidikan sekolah menengah menggunakan kurikulum bersepada sekolah menengah ataupun KBSM (Rosnani Hashim, 1996; Abdullah Sani Yahaya & P. Kumar, 1990). KBSM telah menunjukkan perubahan dan ciri-ciri yang berikut: (a) Pendidikan Moral telah diperkenalkan buat pertama kalinya dan dijadikan sebagai subjek teras kepada murid bukan Islam, (b) mata pelajaran sejarah dan geografi telah diberikan lebih masa, (c) mata pelajaran pra-vokasional telah dikekalkan tetapi ditukarkan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di mana murid didedahkan kepada semua kemahiran asas dalam masa tiga tahun, (d) mata pelajaran sivik ditiadakan tetapi dimasukkan dalam semua mata pelajaran yang dinamakan sebagai merentas kurikulum, (e) masa yang diperuntukkan kepada pendidikan jasmani telah dikurangkan separuh, manakala mata pelajaran Pendidikan Islam, sains dan matematik meningkat sedikit.

Di samping memperkenalkan Pendidikan Moral dan meningkatkan waktu Pendidikan Islam, kurikulum bersepada ini juga menekankan integrasi nilai-nilai

murni merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran dan tidak terbatas kepada Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam sahaja. Terdapat 16 nilai yang telah dipilih iaitu nilai-nilai yang dipersetujui oleh semua agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia.

Dalam pada itu Bahasa Melayu diberikan peranan sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu saintifik. Bahasa Melayu diajar merentas kurikulum. Kurikulum bersepada ini juga memberi penekanan terhadap ko-kurikulum yang mana akan memainkan peranan yang penting kepada hubungan yang baik dan membina di antara murid-murid, sekolah dan masyarakat setempat.

Kementerian Pendidikan (1990b) juga menetapkan pada peringkat menengah atas, di samping setiap murid mempunyai subjek teras yang sama, murid juga diberikan kebebasan untuk memilih sekurang-kurangnya dua elektif dan tidak lebih daripada empat daripada empat kumpulan, iaitu kemanusiaan, teknik dan vokasional, sains dan Pendidikan Islam. Satu elektif mestilah dari kumpulan II (teknik dan vokasional). Hal ini adalah untuk menyediakan murid dengan kemahiran vokasional.

Pendidikan Moral dan sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras. Pendidikan Moral adalah wajib kepada semua murid bukan Islam manakala Pendidikan Islam adalah diwajibkan kepada murid beragama Islam. Mata pelajaran sejarah dijadikan teras kerana kepentingannya kepada jati diri rakyat dan perpaduan negara. Bahasa Arab telah ditawarkan sebagai subjek tambahan dalam kumpulan kumanusiaan. Bahasa yang lain juga ditawarkan jika memenuhi syarat penyertaan minimum dan ada guru yang berkebolehan mengajarnya.

Menurut Rosnani Hashim (1996), KBSM adalah lahir dari kesedaran bahawa terdapat keperluan yang mendesak bagi perkembangan intelek peringkat tinggi. Adalah diakui bahawa kurikulum sebelum ini menekankan aspek kognitif tetapi ianya tidak seimbang. Kurikulum lama lebih menekankan tahap rendah dalam aras perkembangan kognitif Taksonomi Bloom, seperti mengetahui maklumat, mengingati, memberikan maklumat dan memahami. Terdapat hanya sedikit latihan yang diberikan kepada perkembangan kognitif peringkat tinggi seperti aplikasi, sintesis dan penilaian. Latihan untuk peringkat rendah ini tidak akan menghasilkan individu yang kritis, inovatif dan kreatif.

Oleh itu, kaedah pendidikan kurikulum baru ini menekankan pengurangan pengajaran yang berpusatkan guru di mana murid bergantung sepenuhnya kepada apa yang disampaikan oleh guru. Kurikulum baru ini juga cuba mengurangkan autoriti guru yang berlebihan kerana suasana pembelajaran yang sedemikian akan menyebabkan murid hanya memberikan idea yang tidak bertentangan dengan idea autoritarian guru. Akibatnya kreativiti murid akan dimatikan begitu sahaja dan ini tidak sihat untuk perkembangan intelek dan peribadi murid. Kurikulum baru ini menggalakkan perbincangan membina dan penyelidikan serta kajian. Pendekatannya adalah berpusatkan murid. Antara strategi pengajaran yang dicadangkan ialah main peranan, simulasi, penemuan/penyelidikan, *survey* dan soal selidik, perbincangan, penyoalan Kaedah Socratik dan juga penyelesaian masalah melalui kaedah saintifik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a).

Penekanan yang penting juga adalah terhadap pengajaran yang menyeluruh dan bersepada. Tidak ada pengetahuan yang dianggapkan tidak saling

bergantung dan bebas nilai. Nilai, kemahiran, bahasa dan pengetahuan adalah merentas kurikulum dan bersepada dalam semua disiplin pelajaran. Peranan guru pula lebih kompleks dan bersepada serta tidak terbatas kepada hanya satu aspek; iaitu menyampaikan pengetahuan sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990b).

Era Sekolah Bestari

Kandungan pelajaran pada era Sekolah Bestari tidak banyak berbeza berbanding dengan era kurikulum baru sekolah. Hal ini kerana Sekolah Bestari masih menggunakan kurikulum yang sama tetapi dengan tambahan mata pelajaran komputer ataupun teknologi komputer. Namun yang banyak berbeza adalah dari segi kaedah pembelajaran kerana pendidikan Sekolah Bestari menggunakan sepenuhnya pengetahuan teknologi maklumat dan teknologi multimedia. Oleh itu, ia akan mengubah cara, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dan murid, peranan guru dan murid dan juga mengubah situasi bilik darjah.

Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin (1997), peranan guru akan bertukar menjadi fasilitator kepada pembelajaran individu dan pembelajaran bilik darjah. Hal ini akan membolehkan guru memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang baik dan kemahiran sosial serta interpersonal di kalangan pelajar. Aliran maklumat dua hala ini, akses dan input sumber pengajaran dan pembelajaran dalaman akan menyebabkan peranan guru dan murid ditumpukan kepada proses pembelajaran kendiri.